

# Kaji jawatan bertaraf menteri


UM - 21/9/2021 m/r: 5

Oleh **OMAR ZIN**  
dan **ASLINDA NASIR**  
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Ahli Parlimen Langkawi, Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan sebarang jawatan bertaraf menteri perlu disemak semula bagi memastikan individu yang dilantik sesuai dengan kriteria jawatan tersebut.

Ini kerana, beliau berpendapat, jawatan bertaraf menteri dilihat seolah-olah seperti satu sogokan kerana tiada kriteria ditetapkan terhadap individu yang boleh memegang jawatan tersebut.

“Sekarang ini, kita lihat satu amalan yang tidak diperuntukkan oleh perlembagaan, kita dapati ramai daripada orang yang dilantik ke jawatan-jawatan tertentu yang juga tidak ada dalam



“**Tetapi yang kita tahu, apabila taraf menteri diberi, maka dia akan dapat segala kemudahan diberi kepada menteri...**”

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**

perlembagaan dan apabila dilantik dan diberi taraf menteri, tidak ada kriteria ditentukan bagaimana taraf menteri ini diberi kepada mana-mana jawatan.

“Tetapi yang kita tahu, apabi-

la taraf menteri diberi, maka dia akan dapat segala kemudahan diberi kepada menteri, ini satu jenis sogokan juga, kerana dia bukan tumpu kepada tugas yang nak dilakukan tetapi sebaliknya menumpu kepada upahan akan

didapati oleh orang yang diberi taraf menteri,” katanya ketika sesi perbahasan Titah Diraja semalam.

Mahathir mengakui beliau turut menawarkan individu dengan jawatan bertaraf menteri, namun ia ditawarkan kepada individu yang layak.

“Saya mengakui semasa saya jadi Perdana Menteri dahulu, saya juga telah melantik orang berjawatan menteri, tetapi jawatan itu diberi kepada seorang yang sudah bersara daripada politik.

“Sebabnya tugas dan keparannya dalam bidang tertentu, sepatutnya kita ada kriteria tertentu sebelum kita dapat lantik seseorang untuk mendapat taraf menteri.

“Jika tidak, dia akan jadi seperti sogokan kepada penyokong-penyokong kerajaan,

ini harus ditamatkan dalam reformasi yang akan diadakan oleh kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang Muda), Akif Rusli berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob perlu mengecilkan Kabinetnya dan menghentikan budaya pelantikan penasihat yang didakwa tidak memainkan peranan dalam pentadbiran negara.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan harus memanfaatkan khidmat penjawat awam seperti Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD) dalam setiap Kementerian berkaitan dasar-dasar kerajaan.

Katanya, penasihat khas dan duta bertaraf menteri sekadar membuka ruang untuk budaya penawaran jawatan serta kedudukan untuk kembali berkuasa dalam kerajaan.